

Abdullah perlu dua penggal buktikan dasarnya

UM- 5/1/2007

Oleh FAUZI JAAFAR

KUALA LUMPUR - 4 Jan. Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi memerlukan dua penggal untuk membuktikan segala dasar yang diperkenalkan menjadi nyata.

Pensyarah Antropologi dan Sosiologi, Universiti Sains Malaysia (USM), Dr. Sivamurugan Pandian berkata, ini kerana tempoh sepenggal belum cukup untuk membuktikan segala dasar dan pelaksanaan telah berjaya.

"Sepanjang tiga tahun ini, banyak tumpuan diberikan oleh Abdullah untuk perancangan. Selepas itu barulah sampai kepada peringkat pelaksanaan.

"Abdullah sekurang-kurangnya memerlukan dua penggal untuk raket melihat segala perancangan yang telah dilaksanakan dan mencapai keputusan yang cemerlang," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyampaikan kertas kerja bertajuk *Abdullah Ahmad Badawi: Praktis Gaya Kepimpinan Seorang Perdana Menteri* pada Seminar Kebangsaan Abdullah Ahmad Badawi: Tiga Tahun di Putrajaya - Menjejak Pencapaian Dan Strategi Masa Depan Negara di sini hari ini.

Seminar sehari itu dianjurkan Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan USM bersama Yayasan Strategik Sosial (YSS), Institut Sosial Malaysia

(ISM) dan Institut Kepimpinan Strategik Asia (ASLI).

Turut hadir Pengarah Institut Sosial Malaysia, Prof. Madya Dr. Mohamed Fadzil Che Din; Naib Canselor Universiti Sains Malaysia (USM), Prof. Datuk Dzulkifli Abdul Razak; Ahli Lembaga Pengarah USM, Datuk Mustafa Mansor dan Ahli Parlimen Batu Pahat, Dr. Junaidy Abd Wahab.

Menurut Sivamurugan, Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) yang direncanakan oleh Abdullah amat penting, namun hasil dan buktinya boleh dilihat pada penggal akan datang.

Mengulas mengenai dasar keterbukaan Perdana Menteri, beliau berkata, ia tidak menunjukkan kelemahan Abdullah tetapi telah menguatkan kedudukannya pada masa akan datang.

Terdahulu pada pembentangan kertas kerjanya, Sivamurugan memberitahu, kekuatan Abdullah adalah pada moral pasukannya yang mampu menghadapi cabaran.

"Agak menarik untuk melihat hampir kesemua ahli pasukan Abdullah masih kekal selepas tiga tahun beliau mentadbir," katanya.

Kekerapan perubahan dalam Kabinet, kata beliau, hanya akan memaparkan kelemahan ketuanya sama ada gagal melantik mereka yang beribawa atau beliau tidak suka dengan apa yang dilakukan.

Kekuatan Abdullah adalah pada moral pasukannya yang mampu menghadapi cabaran

DR. SIVAMURUGAN PANDIAN
Pensyarah Antropologi dan Sosiologi, USM